



UiTM@Media

2016

Karya Inovasi

UiTM@Media
2016

Hadis sahih semudah ABC

Aplikasi carian hadis Melayu pertama


Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD
agama@utusan.com

SECARA logiknya untuk mengekalkan keaslian sebaris kata-kata yang diungkap lebih 1,400 tahun lalu tanpa sebarang tokok tambah pastinya dianggap mustahil. Cabaran itu menjadi semakin sulit apabila berhadapan pula dengan golongan manusia yang sentiasa mencari kesempatan untuk memanipulasi dan menyelwengkan hadis Rasulullah SAW.

Namun, tiada yang mustahil dengan pertolongan Allah SWT. Terbuktilah selain kitab al-Quran, hadis atau sunnah peninggalan Rasulullah merupakan satu daripada dua sumber rujukan utama umat Islam yang dijanjikan Allah terpelihara daripada sebarang penyelewengan.

Antaranya menerusi lahirnya golongan ulama dan pencinta hadis yang diilhamkan Allah untuk mengambil tanggungjawab bagi memelihara mutiara kata Rasulullah itu sebaik mungkin.

**NORMALY
KAMAL
ISMAIL**
menunjukkan
aplikasi
**Mutiara
Hadis** yang
boleh dilayari
menerusi
telefon pintar.



BERSAMBUNG
DI SEBELAH



Dipertikai pakar hadis

TIDAK semudah disangka, menghasilkan Mutiara Hadis bukan sahaja memerlukan ketekunan dan penelitian dalam semua aspek, malah mengambil masa bertahun-tahun untuk disiapkan.

Salah seorang penyelidik, Dr. Nurazzah Abd. Rahman berkata, ini bagi memastikan hadis yang dipilih adalah sahih dan diperoleh daripada sumber yang dipercayai supaya tidak berlakunya penyelewengan.

“Kami bukannya pakar dalam bidang hadis, cabaran utama bagi kami untuk memastikan bahan dan sumber yang diambil adalah sahih. Antara usaha yang kami lakukan ialah perlu merujuk kepada pakar hadis dan juga pakar bahasa bagi mengelakkan kesalahan makna bagi setiap hadis yang diambil.

“Begini juga, kami terpaksa menaip sebahagian besar sumber itu dan membuat cetakan semula dalam bahasa Melayu untuk dimasukkan ke dalam sistem Mutiara Hadis kerana sumber yang diperoleh adalah daripada kitab-kitab hadis ulama terkemuka seluruh dunia,” katanya.

Bukan itu sahaja, beliau yang juga Ketua Research Interest Group, *Multi Disciplinary Information Retrieval* (RIG Mudir) itu berkata, serangan psikologi pihak luar yang mempertikaikan status hadis dalam

Mutiara Hadis turut menjadi cabaran bagi kumpulan penyelidik itu untuk meneruskan Mutiara Hadis.

“Kadang kala ada juga segelintir pihak termasuk yang bergelar ustaz mempersoalkan, siapa kami yang tiada latar belakang ilmu hadis untuk menghasilkan capaian maklumat rujukan mengenai hadis.

“Menganggapnya sebagai cabaran, ia tidak sesekali mematahkan semangat kami sebaliknya membuatkan kami lebih berhati-hati dalam membuat pemilihan hadis, walaupun pada asalnya kajian ini adalah untuk menghasilkan sebuah enjin carian,” jelasnya.

Namun beliau berkata, seperti tidak diduga aplikasi yang dihasilkan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

“Alhamdulillah, statistik pada Januari hingga Disember tahun 2015 menunjukkan jumlah pengunjung Mutiara Hadis mencecah lebih 5 juta orang. Kita percaya, kebanyakan pengunjung Mutiara Hadis ini adalah dalam kalangan pendakwah dan pelajar yang ingin membuat rujukan mengenai hadis.

“Lebih membanggakan, enjin carian yang dihasilkan ini turut mendapat pengiktirafan termasuk daripada dalam dan luar negara sehingga menjadi rujukan antarabangsa,” katanya.

Kejayaan itu tambahnya, turut disokong penuh oleh Normaly yang mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dalam bidang pengaturcaraan komputer supaya dapat menghasilkan aplikasi Mutiara Hadis selari dengan kehendak pengguna.

Hikmah tersembunyi

PENCAPAIAN yang diperoleh bukan sahaja melonjakkan nama kumpulan penyelidik dan juga negara di mata dunia, lebih daripada itu Nurazzah berkata, kajian yang dilakukan secara tidak langsung mendekatkan diri pengkaji kepada Allah.

"Kami akui kurang mahir dalam pengetahuan agama apatah lagi bidang hadis, namun apabila sering bertungkus lumus menyiapkan perisian ini secara tidak langsung kami boleh mempelajari agama Islam dan juga hadis Nabi."

"Alhamdulillah, sedikit sumbangan yang dilakukan bagi membantu masyarakat ini memberikan kami kesedaran untuk berubah kepada lebih positif," katanya.

Beliau berkata, tidak terhenti

setakat itu, ahli kumpulannya turut merancang untuk meningkatkan lagi kemudahan aplikasi sedia ada dengan pautan yang lebih meluas dan menyeluruh.

"Selain sentiasa mengemaskini bilangan hadis sedia ada, kami juga merancang untuk memperluaskan lagi carian Mutiara Hadis ini dengan menyediakan pautan daripada al-Quran, begitu juga menjelaskan hadis secara lebih terperinci termasuk mengemukakan sanad hadis sehingga kepada Rasulullah SAW."

"Di samping itu, kami juga sedang usahakan supaya dapat menerbitkan hadis sahih ini menerusi buku panduan kecil yang ringkas bagi memudahkan masyarakat membuat rujukan pantas," ujarnya.

Itulah yang dilakukan oleh sekumpulan penyelidik dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi Mara (FSKM UiTM) bagi memastabatkan keaslian hadis bertaraf sahih dengan cara tersendiri.

Walaupun bukan bergelar ustaz atau ustazah, apatah lagi pakar dalam bidang berkenaan, namun inisiatif mereka telah memudahkan umat Islam termasuk pendakwah dan guru agama menjadikan panduan dalam menilai serta memilih hadis sahih.

Ternyata, penggunaan algoritma capaian maklumat bidang Sains Komputer membuatkan rujukan kepada hadis menjadi lebih mudah apabila menggunakan aplikasi Mutiara Hadis yang dibangunkan.

Pengasas *Information Retrieval Special*

Interest Group, Profesor Dr. Zainab Abu Bakar ketika ditemui berkata, pengguna Mutiara Hadis hanya perlu menulis kata kunci pada ruang carian, dan hadis berkaitan atau yang paling hampir dengan carian tersebut akan dipaparkan.

"Menyediakan lebih 18,000 koleksi hadis sahih, pengguna juga boleh memilih mana-mana daripada enam periyawat hadis muktabar yang terdapat dalam aplikasi Mutiara Hadis ini bagi memfokuskan carian lebih tepat kepada periyawat tersebut."

"Mutiara Hadis boleh dilayari secara percuma dan dari semasa ke semasa, kumpulan penyelidik kita akan menambah bali dan memuatkan lagi bilangan hadis bagi memudahkan lagi orang ramai membuat rujukan hadis sahih," katanya sahaja bersara daripada

tugasnya di FSKM UiTM, baru-baru ini.

Antara kitab rujukan hadis yang disediakan adalah Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Nasa'i, Sunan Tirmizi, Sunan Ibnu Majah, dan Sunan Abu Daud.

MANFAAT UMAT

Ternyata, inovasi itu memberi manfaat bukan sahaja pendakwah atau guru agama sahaja, sebaliknya semua umat Islam boleh menyebarkan agama yang diredayai oleh Allah itu menerusi cara tersendiri.

Bermula dengan hanya untuk melengkapkan kajian, idea Mutiara Hadis tercusus daripada aplikasi sama yang pertama dihasilkan iaitu menghasilkan carian pantas ayat al-Quran dan

BERSAMBUNG
DI SEBELAH



DEFINASI MU'JAM HADIS

Bahasa :
Kamus

Istilah : Kitab menghimpunkan hadis berdasarkan urutan subjek tertentu termasuk nama sahabat, guru-guru atau daerah.

terjemahannya.

Zainab berkata, melihat kepada capaian maklumat mengenai al-Quran dan terjemahan bahasa Melayu masih belum dihasilkan, beliau memikirkan keperluan untuk memilih al-Quran dan terjemahan sebagai subjek melaksanakan kaedah tersebut.

"Idea ini dicetuskan ketika saya sedang membuat kajian peringkat kedoktoran pada tahun 1999. Kajian yang perlu saya lakukan adalah menghasilkan sebuah kaedah bagi membuat enjin carian maklumat dan bagi menyempurnakan enjin carian itu, maka perlu memilih apa

ZAINAB ABU BAKAR, (duduk) bersama kumpulan penyelidiknya (dari kiri) Nurazzah Abdul Rahman, Normaly Kamal Ismail, Zamri Abu Bakar dan Haslizatul Fairuz Mophamed Hanum.

sahaja bidang sebagai subjek.

"Pada asalnya saya dicadangkan oleh penyelia pengajian PhD saya masa itu ialah Profesor Emeritus Dr. Tengku Mohd. Tengku Sembok untuk memilih tema perundangan, tetapi memikirkan subjek itu yang terlalu rumit dan hanya meluas bagi golongan tertentu sahaja, saya akhirnya mengambil keputusan menggunakan ayat al-Quran.

"Rentetan daripada penghasilan itu, pada tahun 2003, saya bersama sekumpulan penyelidik UiTM mula membangunkan projek baharu iaitu enjin carian hadis atau dikenali Mutiara Hadis menggunakan geran penyelidikan UiTM," ujarnya.

Beliau mendakwa, kejayaan menghasilkan Mutiara Hadis meletakkan perisian itu sebagai laman web carian pantas hadis sahih berbahasa Melayu pertama yang dihasilkan di negara ini.

Penghasilan enjin carian Mutiara Hadis dibantu oleh dua penyelidik iaitu Dr. Nurazzah Abd. Rahman dan Dr. Normaly Kamal Ismail.

INFO MUTIARA HADIS

- Statistik pada Januari hingga Disember 2015 pengunjung Mutiara Hadis mencecah lebih 5 juta orang.

- Enjin carian pantas mengenalpasti dan membuat rujukan hadis sahih

- Menyediakan lebih 18,000 koleksi hadis sahih daripada enam periyat hadis muktabar

- Kitab rujukan yang disediakan:

Sahih
Bukhari

Sunan al-
Nasa'i

Sunan
Abu
Daud

Sahih
Muslim

Sunan
Ibnu
Majah

Sunan
Tirmizi

- Boleh dilayari secara percuma di pautan sigir. uitm.edu.my

- Dihadarkan oleh kumpulan Penyelidik dalam bidang Sains Komputer dan Matematik, UiTM.

UiTM@Media 2016

• **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

• **Ketua Projek**

Alfina Bakar

• **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

• **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminajah Salleh

• **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

• **Perekat Grafik Utama**

Junaidy Talib

• **Perekat Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

• **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

